AL-MAQĀṢID
INTERNATIONAL JOURNAL OF MAQĀṢID STUDIES & ADVANCED ISLAMIC RESEARCH
E-ISSN: 2735-1149, Vol. 6, No. 1, 2025, pp. 204-216

Pengurusan Harta Luqatah Digital: Analisis Prosedur dan Pembinaan Model dalam Konteks Institusi Agama di Malaysia

Digital Luqatah Property Management: Procedural Analysis and Model Development in the Context of Religious Institutions in Malaysia

[i]Radin Ahmad Taufik Salikin Izaddin, [ii, iii, iv, v*]Ahmad Syukran Baharuddin, [ii]Wan Abdul Fattah Wan Ismail, [ii]Lukman Abdul Mutalib, [ii]Hasnizam Hashim, [ii]Zulfaqar Mamat, [vi]Mohammad Amir Wan Harun & [ii]Muhammad Aunurrochim Mas'ad Saleh

[i]Islamic Civilization Academy, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, 81300 Johor Bahru, Johor, Malaysia
[ii]Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
[iii]Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
[iv]Research Fellow, Maqasid Institute, United States of America (USA)
[v]International Advisory Board Member, Mejellat Al-Afaq wa Al-Maarif (JSKP), Faculty of Humanities, Islamic Sciences and Civilization, University Amar Telidji of Laghouat, BP 37G, Road of Ghardaia, 03000 Laghouat, Algeria
[vi]Department of Islamic Studies, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: ahmadsyukran@usim.edu.my

Article history:
Submission date: 31 Dec 2024
Received in revised form: 5 March 2025
Acceptance date: 2 May 2025
Available online: 13 Sept 2025

Keywords:
Luqatah Management, Digital Property, Data Protection, Procedural Standardization, Malaysian Religious Institutions

Funding:
This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sectors.

Competing interest:
The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:
Izaddin, R. A. T. S., Baharuddin, A. S., Wan Ismail, W. A. F., Abdul Mutalib, L., Hashim, H., Mamat, Z., Harun, M. A. W. & Saleh, M. A. M. (2025). Pengurusan Harta Luqatah Digital: Analisis Prosedur dan Pembinaan Model dalam Konteks Institusi Agama di Malaysia: Digital Luqatah Property Management: Procedural Analysis and Model Development in the Context of Religious Institutions in Malaysia. *AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research*, *6*(1), 204-216. https://doi.org/10.55265/al-maqasid.v6i1.458

© The authors (2025). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact Intelligentia Resources.

SDG Elements:
Quality Education, Sustainable cities and communities

ABSTRACT

The rapid proliferation of smartphones, laptops, tablets, smartwatches, and other digital devices has introduced new challenges for managing luqatah (lost-and-found property), particularly because these devices hold both physical value and digital content that may contain sensitive personal, financial, professional, and confidential information. Existing *luqatah* management practices, however, have largely been developed for conventional physical property and may not adequately address data privacy, cybersecurity, ownership verification, and unauthorised access. This study aims to analyze the management of *luqatah* property involving digital devices and to evaluate the suitability of existing procedures in the current context. The study adopts a qualitative approach through interviews with institutions involved in managing *luqatah* property. The findings indicate that current management procedures remain focused on physical property and do not fully account for the characteristics of digital devices that contain data and personal information. In addition, variations in procedure implementation across institutions affect the consistency of management practices. Accordingly, this study proposes a digital *luqatah* management model that includes the identification of digital property, data protection, procedural standardization, adjustment of public notification periods, and the development of technological expertise. This model supports a more systematic approach to property management that is aligned with contemporary developments. The study contributes to the contemporary discourse on *luqatah* by extending its application beyond conventional physical property and provides practical guidance for policymakers and institutions in developing standardised operating procedures for the secure, transparent, and Shariah-compliant management of lost digital devices.

AL-MAQĀṢID
INTERNATIONAL JOURNAL OF MAQĀṢID STUDIES & ADVANCED ISLAMIC RESEARCH
E-ISSN: 2735-1149, Vol. 6, No. 1, 2025, pp. 204-216

ABSTRAK

Kemajuan teknologi telefon pintar, komputer riba, tablet, jam pintar, dan peranti digital lain telah memberikan cabaran baharu dalam menguruskan luqatah kerana peranti jenis ini mempunyai nilai material dan kandungan digital yang mungkin mengandungi maklumat peribadi, kewangan, profesional, dan sulit yang sensitif. Walau bagaimanapun, amalan pengurusan luqatah yang sedia ada kebanyakannya telah dibangunkan hanya untuk harta fizikal konvensional dan mungkin tidak menangani privasi data, keselamatan siber, pengesahan pemilikan, dan akses tanpa kebenaran dengan tuntas. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pengurusan harta luqatah yang melibatkan peranti digital serta menilai kesesuaian prosedur sedia ada dalam konteks semasa. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual dengan institusi yang terlibat dalam pengurusan harta luqatah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa prosedur pengurusan yang diamalkan masih tertumpu kepada harta fizikal dan belum mengambil kira sepenuhnya ciri peranti digital yang mengandungi data dan maklumat peribadi. Selain itu, terdapat perbezaan dalam pelaksanaan prosedur antara institusi yang menjejaskan keseragaman pengurusan. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan satu model pengurusan luqatah digital yang merangkumi pengenalpastian harta digital, perlindungan data, penyelarasan prosedur, penyesuaian tempoh hebahan dan pembangunan kepakaran teknologi. Model ini menyokong pengurusan harta yang lebih sistematik dan selari dengan perkembangan semasa.

Pendahuluan

Harta luqatah merupakan satu isu penting dalam fiqh muamalah yang berkaitan dengan pemeliharaan hak milik dan tanggungjawab sosial dalam masyarakat. Dalam perbahasan klasik, luqatah merujuk kepada harta yang ditemui tanpa diketahui pemiliknya dan perlu diurus dengan amanah sehingga dapat dipulangkan kepada pemilik asal (Ibn Qudāmah, 1997; al-Kāsānī, 1986). Perbincangan ini berasaskan prinsip pemeliharaan harta yang menjadi salah satu objektif utama dalam maqasid syariah (Auda, 2008). Oleh itu, pengurusan luqatah bukan sekadar isu pentadbiran, sebaliknya berkait secara langsung dengan keadilan dan perlindungan hak dalam Islam.

Dalam konteks semasa, pelbagai pendekatan telah dibangunkan bagi mengurus harta luqatah, khususnya melalui institusi awam dan badan berautoriti. Kajian menunjukkan bahawa pengurusan harta yang tidak dituntut atau hilang lazimnya dilaksanakan melalui prosedur formal yang melibatkan penerimaan, penyimpanan, dan pemulangan kepada pemilik (Ayub, 2007; Kahf, 2003). Pendekatan institusi ini dilihat sebagai mekanisme yang berkesan dalam memastikan harta tidak disalahgunakan serta dapat diurus secara sistematik. Selain itu, penggunaan teknologi maklumat dalam pengurusan aset turut membantu meningkatkan kecekapan dalam pengesanan dan pengurusan harta (OECD, 2021).

Walau bagaimanapun, perkembangan teknologi digital telah mengubah sifat harta secara ketara. Peranti digital seperti telefon pintar dan komputer riba bukan sahaja mempunyai nilai fizikal, malah mengandungi data, akaun, dan maklumat peribadi yang mempunyai nilai ekonomi dan sosial. Dalam hal ini, kajian kontemporari menunjukkan bahawa aset digital semakin diiktiraf sebagai bentuk harta yang mempunyai nilai serta boleh dimiliki dan dipindah milik (Aziz & Abdullah, 2020; Hasan & Salah, 2021). Tambahan pula, laporan antarabangsa menunjukkan

AL-MAQĀṢID
INTERNATIONAL JOURNAL OF MAQĀṢID STUDIES & ADVANCED ISLAMIC RESEARCH
E-ISSN: 2735-1149, Vol. 6, No. 1, 2025, pp. 204-216

bahawa pengurusan aset digital melibatkan cabaran baharu berkaitan keselamatan data dan hak pemilikan (World Bank, 2022).

Namun demikian, perbincangan berkaitan luqatah masih tertumpu pada harta konvensional dan belum sepenuhnya mengintegrasikan realiti peranti digital. Kajian sedia ada lebih memberi perhatian kepada aspek pemilikan dan pengurusan aset digital secara umum, tanpa mengaitkannya dengan konsep harta hilang dalam fiqh. Dalam masa yang sama, garis panduan sedia ada tidak mengambil kira dimensi bukan fizikal yang terdapat dalam peranti digital. Keadaan ini menunjukkan bahawa hubungan antara konsep luqatah dan pengurusan peranti digital masih belum dihuraikan secara menyeluruh (Izaddin et al., 2025; Mas'ad Salleh, A. et al., 2021).

Selain itu, prinsip pengurusan luqatah dalam Islam menunjukkan bahawa kaedah pengurusan perlu mengambil kira sifat harta yang ditemui serta keadaan semasa. Prinsip ini memberikan ruang kepada penyesuaian dalam pelaksanaan tanpa menjejaskan asas syariah. Walau bagaimanapun, penerapan prinsip ini dalam konteks harta digital masih belum diperincikan dalam kajian semasa. Keadaan ini menunjukkan bahawa masih terdapat jurang antara perbincangan teori dan aplikasi praktikal dalam pengurusan harta luqatah.

Berdasarkan perbincangan tersebut, jelas bahawa pengurusan harta luqatah dalam konteks peranti digital memerlukan penelitian yang lebih mendalam. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pengurusan harta luqatah yang melibatkan peranti digital serta menilai kesesuaian prosedur sedia ada dalam konteks semasa. Kajian ini juga bertujuan untuk membangunkan satu model pengurusan yang lebih komprehensif bagi memastikan pengurusan harta dapat dilaksanakan secara sistematik dan selari dengan prinsip syariah serta perkembangan teknologi.

Sorotan Literatur

Perbincangan mengenai harta luqatah dalam literatur Islam berasaskan kepada perbahasan fiqh klasik yang menekankan prinsip amanah, pemeliharaan harta dan tanggungjawab sosial. Dalam hal ini, luqatah ditakrifkan sebagai harta yang ditemui tanpa diketahui pemiliknya serta mempunyai nilai yang diiktiraf oleh syarak (al-Ramlī, 1984; Ibn Ḥajar al-Haytamī, 2016). Takrifan ini diperkukuh melalui perbahasan fiqh yang lebih sistematik. Perbahasan tersebut menjelaskan bahawa luqatah merangkumi harta yang perlu dipelihara dan diurus dengan penuh tanggungjawab oleh penemunya (Muṣṭafā al-Khin et al., 1992).

Dalam konteks hukum, para ulama menjelaskan bahawa pengambilan harta luqatah dibenarkan sekiranya penemu yakin mampu bersikap amanah serta menjaga harta tersebut daripada hilang atau disalahguna (al-Nawāwī, 1972). Hal ini selari dengan prinsip umum syariah yang menekankan pemeliharaan harta sebagai salah satu tujuan utama (al-Zuḥaylī, 1985). Dalam masa yang sama, hadis Rasulullah SAW memperincikan tatacara pengurusan harta luqatah. Perincian ini merangkumi aspek pengenalpastian, hebahan dan pemulangan kepada pemilik.

اعرف عفاصها ووكاءها، ثم عرّفها سنة، فإن جاء صاحبها وإلا فاستنفقها، ولتكن وديعة عندك، فإن جاء صاحبها يومًا من الدهر فأدّها إليه

Terjemahan: "Kenalilah bekas dan pengikatnya. Kemudian, umumkan selama setahun. Jika pemiliknya datang menuntutnya, serahkan kepadanya. Jika tidak,

AL-MAQĀṢID
INTERNATIONAL JOURNAL OF MAQĀṢID STUDIES & ADVANCED ISLAMIC RESEARCH
E-ISSN: 2735-1149, Vol. 6, No. 1, 2025, pp. 204-216

maka gunakanlah ia dan jadikan sebagai simpanan. Sekiranya pemiliknya datang pada suatu masa, maka hendaklah diserahkan kepadanya."

(al-Bukhārī, no. 2426)

Hadis ini menunjukkan bahawa pengurusan luqatah dalam Islam mempunyai prosedur yang tersusun. Prosedur tersebut melibatkan pengenalpastian harta, pelaksanaan hebahan dalam tempoh tertentu serta pemulangan kepada pemilik asal. Hal ini memperlihatkan bahawa konsep luqatah berasaskan prinsip amanah. Prinsip ini turut disokong oleh garis panduan pelaksanaan yang jelas.

Selain itu, terdapat juga hadis yang menjelaskan bahawa tidak semua harta perlu diambil sebagai luqatah, khususnya harta yang mampu menjaga dirinya sendiri.

ما لك ولها؟ معها حذاؤها وسقاؤها، ترد الماء وتأكل الشجر حتى يلقاها ربها

Terjemahan: "Apa urusan kamu dengannya? Ia mempunyai kaki dan bekalan airnya sendiri. Ia boleh pergi ke tempat air dan memakan tumbuhan sehingga pemiliknya menemuinya."

(al-Bukhārī, no. 2427)

Hadis ini menunjukkan bahawa pengurusan luqatah turut mengambil kira sifat dan keadaan harta yang ditemui. Hal ini memperlihatkan bahawa prinsip pengurusan luqatah dalam Islam bersifat fleksibel dan berasaskan pertimbangan yang sesuai.

Selain itu, kajian kontemporari menunjukkan bahawa pengurusan harta luqatah telah berkembang daripada tanggungjawab individu kepada pengurusan institusi. Dalam konteks Malaysia, Majlis Agama Islam negeri dan baitulmal memainkan peranan penting dalam mengurus harta luqatah secara sistematik. Peranan ini diperincikan melalui garis panduan dan prosedur yang melibatkan penerimaan, penyimpanan, hebahan, tuntutan dan pelupusan harta luqatah. Prosedur ini dilaksanakan oleh institusi seperti Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Selangor, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan serta Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu. Keadaan ini menunjukkan bahawa pengurusan luqatah telah melalui proses institusionalisasi yang lebih tersusun.

Walau bagaimanapun, kajian empirikal menunjukkan bahawa pengurusan harta luqatah masih berdepan dengan pelbagai cabaran dari segi pelaksanaan dan keseragaman prosedur. Kajian oleh Abd Hamid (2024) menegaskan bahawa aspek fiqh dan praktikal dalam pengurusan luqatah memerlukan penambahbaikan bagi memastikan ketelusan dan keadilan. Selain itu, kajian oleh Abdullah et al. (2025) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dalam prosedur pengurusan antara institusi. Keadaan ini menggambarkan ketiadaan standard yang seragam dalam pelaksanaannya. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun kerangka asas telah wujud, pelaksanaan masih belum mencapai tahap yang optimum.

Di samping itu, kajian berkaitan fiqh muamalah memperincikan konsep luqatah sebagai sebahagian daripada perbahasan harta yang perlu diurus dengan penuh amanah dan tanggungjawab (Apriyani, 2025). Perbincangan ini mengukuhkan kefahaman bahawa luqatah tidak terhad kepada aspek teknikal. Pengurusan harta ini turut melibatkan dimensi etika dan nilai.

AL-MAQĀṢID
INTERNATIONAL JOURNAL OF MAQĀṢID STUDIES & ADVANCED ISLAMIC RESEARCH
E-ISSN: 2735-1149, Vol. 6, No. 1, 2025, pp. 204-216

Dalam perkembangan semasa, perubahan sifat harta telah melahirkan bentuk harta baharu yang dikenali sebagai aset digital. Kajian oleh Ismail dan Rahim (2024) serta Md Tahir et al. (2025) menunjukkan bahawa aset digital diiktiraf sebagai harta (mal) dalam perspektif Islam kerana mempunyai nilai dan manfaat tertentu. Perkara ini disokong oleh kajian berkaitan pewarisan aset digital yang menegaskan bahawa aset digital mempunyai nilai ekonomi dan boleh dipindah milik (Pratama, 2025; Abd Wahab, 2024). Hal ini memperlihatkan bahawa konsep harta dalam Islam telah berkembang melangkaui bentuk fizikal kepada merangkumi dimensi bukan fizikal.

Walau bagaimanapun, literatur sedia ada menunjukkan bahawa perbincangan berkaitan luqatah masih tertumpu kepada harta konvensional dan belum mengintegrasikan sepenuhnya realiti peranti digital. Peranti digital mengandungi elemen fizikal dan bukan fizikal secara serentak. Namun demikian, kajian berkaitan aset digital lebih tertumpu kepada isu pemilikan dan pewarisan. Kajian tersebut tidak mengaitkannya secara langsung dengan konsep luqatah. Keadaan ini menunjukkan bahawa masih wujud jurang kajian yang jelas dalam menghubungkan konsep luqatah dengan pengurusan peranti digital.

Sehubungan itu, kajian ini dilihat signifikan dalam mengisi jurang tersebut dengan memberi tumpuan kepada pengurusan harta luqatah yang melibatkan peranti digital. Tumpuan diberikan kepada prosedur pengurusan serta cabaran yang dihadapi oleh institusi. Pendekatan ini diharapkan dapat memperluaskan perbincangan sedia ada serta menyumbang kepada pembinaan model pengurusan luqatah yang lebih relevan dengan perkembangan semasa.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi menganalisis pengurusan harta luqatah yang melibatkan peranti digital dalam konteks institusi agama di Malaysia. Reka bentuk kajian berbentuk kajian kes pelbagai yang membolehkan perbandingan amalan antara institusi serta menyokong pembinaan model pengurusan. Kajian ini melibatkan lima institusi, iaitu Majlis Agama Islam Selangor, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan, Majlis Agama Islam Kedah, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah. Informan terdiri daripada pegawai yang terlibat secara langsung dalam pengurusan harta luqatah. Pemilihan informan dilakukan secara pensampelan bertujuan berdasarkan pengalaman dan peranan mereka. dapatan kajian yang memberikan gambaran sebenar terhadap amalan pengurusan harta luqatah di peringkat institusi. Dapatan diperoleh melalui temu bual bersama pegawai yang terlibat secara langsung serta disokong oleh analisis dokumen berkaitan prosedur pengurusan. Pembentangan ini memberi fokus kepada bagaimana harta luqatah diurus dalam situasi semasa, khususnya apabila melibatkan peranti digital yang mempunyai ciri berbeza daripada harta konvensional.

Dapatan dan Perbincangan

Berdasarkan analisis data temu bual dan dokumen, dikenal pasti bahawa terdapat beberapa elemen utama dalam pengurusan harta luqatah yang diamalkan oleh institusi. Elemen-elemen ini merangkumi aspek prosedur pengurusan serta cabaran pelaksanaannya, khususnya dalam konteks peranti digital. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat persamaan dalam amalan asas, pelaksanaannya berbeza antara institusi. Bagi memperjelaskan dapatan, analisis disusun secara tematik dan dipersembahkan seperti jadual 1 di bawah:

AL-MAQĀṢID
INTERNATIONAL JOURNAL OF MAQĀṢID STUDIES & ADVANCED ISLAMIC RESEARCH
E-ISSN: 2735-1149, Vol. 6, No. 1, 2025, pp. 204-216

Jadual 1: Analisis Pengurusan Luqatah Digital di Institusi berkaitan

Komponen SOP	Petikan Informan	Sumber Informan	Analisis SOP	Isu / Kelemahan SOP (Asas Cabaran)
Penerimaan & Penilaian Peranti Digital	"Untuk barang digital seperti handphone kita akan hantar ke cash convertor untuk nilaikan…" (R1)	MAIS	Penilaian dibuat melalui pihak luar (vendor)	Tiada mekanisme dalaman / standard penilaian digital
	"Sekiranya kos repair lebih tinggi daripada harga jual… maka kita akan lupus…" (R1)	MAIS	Penilaian berdasarkan kos pembaikan & nilai pasaran	Nilai dinilai secara fizikal sahaja
	"Barangan gajet yang sudah kurang nilai… boleh dijual…" (R3)	MAIWP	Peranti dianggap aset biasa	Tiada pengiktirafan nilai bukan fizikal
Penilaian Berasaskan Pasaran Semasa	"Rujuk harga semasa… second hand…" (R5)	MAIK (Kelantan)	Penilaian bergantung kepada pasaran semasa	Nilai tidak stabil & tiada standard tetap
Pengurusan Tanpa SOP Khusus	"Perlu dibincang bersama pihak pengurusan untuk menentukan harga…" (R5)	MAIK	Keputusan dibuat secara dalaman / ad hoc	Tiada SOP khusus untuk peranti digital
Ketiadaan SOP Data & Privasi	*(Tiada petikan khusus)*	Semua institusi	Tiada prosedur berkaitan akses data	Dimensi data tidak diiktiraf dalam SOP
Pengurusan Susut Nilai	"Barangan gajet yang sudah kurang nilai…" (R3)	MAIWP	Peranti cepat susut nilai	SOP tidak mengambil kira sifat teknologi
Kebergantungan kepada Pihak Luar	"Kita akan hantar ke kedai… kedai akan nilaikan…" (R1)	MAIS	Penilaian bergantung kepada vendor luar	Tiada kepakaran teknikal dalaman
Pelupusan Peranti Digital	"Boleh dijual terus… wang disimpan…" (R4)	MAIK (Kedah)	Pelupusan dibuat melalui jualan	Fokus kepada nilai fizikal sahaja
Pengurusan Peranti Rosak / Usang	"Sekiranya kos repair lebih	MAIS	Peranti rosak dilupuskan	Tiada pertimbangan nilai data

AL-MAQĀṢID
INTERNATIONAL JOURNAL OF MAQĀṢID STUDIES & ADVANCED ISLAMIC RESEARCH
E-ISSN: 2735-1149, Vol. 6, No. 1, 2025, pp. 204-216

	tinggi… kita akan lupus…" (R1)			
Tempoh Hebahan (Taʿrīf)	"Tempoh bagi gajet… boleh dikurangkan…" (R2)	PBNS	Kesedaran bahawa tempoh perlu fleksibel	SOP tidak membezakan jenis harta
Standardisasi Antara Institusi	Pelbagai pendekatan: jual, lupus, rujuk vendor	Semua institusi	Tiada pendekatan seragam	Tiada standard nasional

Jadual 1 menunjukkan bahawa prosedur operasi standard (SOP) pengurusan harta luqatah yang diamalkan oleh institusi yang dikaji masih berasaskan pendekatan konvensional yang dibangunkan untuk mengurus harta fizikal tradisional. Dalam konteks ini, peranti digital seperti telefon pintar, komputer riba dan gajet lain diurus menggunakan prosedur yang sama seperti harta luqatah biasa tanpa sebarang pengkhususan yang mengambil kira ciri teknologi semasa. Keadaan ini memperlihatkan bahawa struktur asas pengurusan luqatah telah wujud dan dilaksanakan secara tersusun. Walau bagaimanapun, prosedur tersebut belum disesuaikan dengan perubahan sifat harta dalam persekitaran semasa.

Dari sudut penerimaan dan penilaian, dapatan kajian menunjukkan bahawa peranti digital dinilai berdasarkan harga pasaran dengan merujuk kepada pihak luar seperti kedai atau pihak berkaitan. Pendekatan ini menunjukkan bahawa institusi tidak mempunyai mekanisme dalaman yang khusus dalam menilai peranti digital. Sebaliknya, institusi bergantung pada penilaian pihak luar sebagai asas untuk menentukan nilai harta tersebut. Dalam masa yang sama, penilaian yang dibuat banyak dipengaruhi oleh keadaan fizikal peranti serta kos pembaikan. Hal ini menunjukkan bahawa SOP lebih menumpukan pada aspek zahir harta berbanding dimensi lain yang mungkin terkandung dalam peranti tersebut.

Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa SOP yang diamalkan bersifat fleksibel dalam pelaksanaannya. Walau bagaimanapun, fleksibiliti tersebut tidak disokong oleh garis panduan yang seragam. Keputusan berkaitan pengurusan harta luqatah, khususnya dalam menentukan nilai atau kaedah pelupusan peranti digital, banyak bergantung kepada perbincangan dalaman serta pertimbangan pegawai yang terlibat. Keadaan ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat kerangka asas dalam pengurusan, pelaksanaannya berbeza mengikut institusi dan situasi tertentu.

Dalam aspek penyimpanan dan pelupusan, dapatan kajian memperlihatkan bahawa peranti digital diurus berdasarkan kebolehgunaan dan keadaan peranti tersebut. Peranti yang rosak atau tidak sesuai untuk digunakan akan dilupuskan atau dipindahkan kepada pihak lain melalui kaedah tertentu. Pendekatan ini menunjukkan bahawa SOP memberi penekanan kepada pengurusan fizikal harta serta pertimbangan nilai pasaran. Hal ini juga menunjukkan bahawa kemungkinan kewujudan nilai lain yang tidak ketara dalam peranti tersebut tidak dinilai secara menyeluruh.

Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa SOP sedia ada tidak mengandungi peruntukan khusus berkaitan pengurusan data dan maklumat digital yang terdapat dalam peranti. Keadaan ini memperlihatkan bahawa dimensi bukan fizikal dalam harta

AL-MAQĀṢID
INTERNATIONAL JOURNAL OF MAQĀṢID STUDIES & ADVANCED ISLAMIC RESEARCH
E-ISSN: 2735-1149, Vol. 6, No. 1, 2025, pp. 204-216

moden belum diambil kira dalam kerangka pengurusan luqatah. Hal ini menjadi lebih penting memandangkan peranti digital lazimnya mengandungi maklumat peribadi yang mempunyai nilai tersendiri kepada pemiliknya.

Dari sudut tempoh pengurusan, SOP yang diamalkan masih mengekalkan pendekatan tradisional seperti tempoh hebahan yang panjang tanpa membezakan jenis harta. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat kesedaran dalam kalangan informan mengenai keperluan untuk menyesuaikan tempoh tersebut dengan sifat peranti digital yang berubah dengan cepat. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun SOP sedia ada masih digunakan, penyesuaian terhadap perkembangan semasa adalah diperlukan.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa SOP pengurusan harta luqatah yang diamalkan pada masa ini berasaskan pendekatan fizikal dan berpandukan harga pasaran. SOP ini juga bersifat fleksibel dalam pelaksanaan dan bergantung kepada penilaian pihak luar. Pendekatan ini sesuai dalam konteks harta konvensional. Walau bagaimanapun, dalam konteks peranti digital, SOP tersebut memperlihatkan keterbatasan dari segi keupayaan untuk menangani ciri-ciri khusus yang berkaitan dengan teknologi dan penggunaan semasa.

Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengurusan harta luqatah yang diamalkan oleh institusi pada masa ini berasaskan kerangka yang tersusun dari sudut prinsip dan prosedur. Prosedur tersebut melibatkan penerimaan, penyimpanan, hebahan dan pelupusan harta. Keadaan ini menunjukkan bahawa institusi telah melaksanakan tanggungjawab pengurusan harta selaras dengan tuntutan syariah yang menekankan amanah dan pemeliharaan hak milik (al-Ramlī, 1984; Ibn Ḥajar al-Haytamī, 2016). Prinsip ini juga selari dengan penegasan ulama bahawa harta luqatah perlu dijaga dan diurus dengan penuh tanggungjawab oleh penemunya (Muṣṭafā al-Khin et al., 1992).

Walau bagaimanapun, dapatan kajian memperlihatkan bahawa pelaksanaan prosedur masih tertumpu kepada ciri fizikal harta. Penilaian dibuat berdasarkan keadaan zahir serta nilai pasaran. Pendekatan ini sesuai digunakan bagi harta konvensional. Dalam masa yang sama, perkembangan semasa menunjukkan bahawa harta telah berubah bentuk. Kajian oleh Ismail dan Rahim (2024) serta Md Tahir et al. (2025) menunjukkan bahawa aset digital diiktiraf sebagai harta kerana mempunyai nilai dan manfaat. Keadaan ini menunjukkan bahawa pendekatan pengurusan yang hanya menumpukan kepada aspek fizikal tidak lagi mencukupi dalam konteks peranti digital.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa pengurusan luqatah dilaksanakan melalui garis panduan yang disediakan oleh institusi agama. Garis panduan ini meliputi keseluruhan proses pengurusan harta. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya berbeza antara institusi. Perbezaan ini menunjukkan bahawa tahap keseragaman dalam pelaksanaan masih belum dicapai sepenuhnya. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Abdullah et al. (2025) yang menunjukkan wujudnya variasi dalam prosedur pengurusan antara institusi. Keadaan ini memberi kesan terhadap konsistensi dalam pengurusan harta luqatah.

AL-MAQĀṢID
INTERNATIONAL JOURNAL OF MAQĀṢID STUDIES & ADVANCED ISLAMIC RESEARCH
E-ISSN: 2735-1149, Vol. 6, No. 1, 2025, pp. 204-216

Selain itu, dapatan kajian memperlihatkan bahawa pengurusan luqatah masih difahami dalam kerangka amanah yang menumpukan kepada pemulangan harta kepada pemilik. Kefahaman ini bertepatan dengan perbincangan fiqh muamalah yang menekankan tanggungjawab dalam mengurus harta orang lain (Apriyani, 2025). Hal ini juga diperincikan dalam hadis Bukhari (no. 2426) yang menekankan keperluan untuk mengenal pasti harta serta melaksanakan hebahan sebelum memulangkannya kepada pemilik. Di samping itu, terdapat juga hadis Bukhari (no. 2427) yang menunjukkan bahawa sifat harta perlu diambil kira dalam menentukan kaedah pengurusan. Perkara ini memperlihatkan bahawa pengurusan luqatah bersifat anjal dan boleh disesuaikan dengan keadaan semasa.

Dalam konteks peranti digital, dapatan kajian menunjukkan bahawa ciri khusus harta tersebut belum diambil kira sepenuhnya dalam prosedur pengurusan. Peranti digital mengandungi maklumat peribadi yang mempunyai nilai tersendiri. Kajian oleh Pratama (2025) serta Abd Wahab (2024) menunjukkan bahawa aset digital mempunyai nilai ekonomi dan boleh dipindah milik. Keadaan ini menunjukkan bahawa pengurusan luqatah yang melibatkan peranti digital memerlukan pendekatan yang lebih menyeluruh. Pendekatan tersebut perlu mengambil kira nilai data dan maklumat, bukan sekadar nilai fizikal peranti.


Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tempoh hebahan yang diamalkan masih berasaskan pendekatan tradisional. Tempoh ini digunakan secara seragam tanpa mengambil kira jenis harta. Dalam konteks peranti digital, nilai harta berubah dalam tempoh yang singkat. Keadaan ini menunjukkan bahawa tempoh hebahan yang diamalkan perlu dinilai semula agar selari dengan sifat harta yang berbeza.

Secara keseluruhannya, perbincangan ini menunjukkan bahawa cabaran utama dalam pengurusan luqatah terletak pada ketidakselarasan antara prosedur sedia ada dengan perubahan sifat harta. Prosedur yang diamalkan masih sesuai bagi harta konvensional. Dalam masa yang sama, perkembangan teknologi telah mengubah ciri harta kepada bentuk yang lebih kompleks. Keadaan ini menunjukkan keperluan untuk menilai semula pendekatan pengurusan yang digunakan. Penilaian ini perlu mengambil kira perkembangan aset digital, kepentingan perlindungan maklumat serta prinsip syariah yang menekankan amanah dan keadilan. Pendekatan yang lebih menyeluruh dilihat penting bagi memastikan pengurusan harta luqatah kekal relevan dengan perkembangan semasa.

Kerangka Pengurusan Luqatah Digital (Peranti Digital)

Berdasarkan dapatan kajian dan analisis perbincangan, satu model pengurusan luqatah digital dicadangkan bagi menangani ketidakselarasan antara prosedur sedia ada dengan perubahan sifat harta dalam era digital. Model ini dibangunkan dengan mengambil kira prinsip syariah, amalan institusi serta perkembangan aset digital sebagai bentuk harta yang diiktiraf. Model ini mengandungi lima komponen utama, iaitu pengenalpastian harta, perlindungan data, penyelarasan prosedur, penyesuaian hebahan dan pembangunan kepakaran.

AL-MAQĀṢID
INTERNATIONAL JOURNAL OF MAQĀṢID STUDIES & ADVANCED ISLAMIC RESEARCH
E-ISSN: 2735-1149, Vol. 6, No. 1, 2025, pp. 204-216



Rajah 1: Kerangka Pengurusan Luqatah Digital

(1) Pengenalpastian Harta Digital

Komponen pertama melibatkan pengenalpastian harta yang tidak terhad kepada aspek fizikal peranti. Peranti digital mengandungi dua dimensi utama, iaitu fizikal dan bukan fizikal. Dimensi bukan fizikal merangkumi data, akaun serta maklumat peribadi yang mempunyai nilai tersendiri. Pengiktirafan terhadap kedua-dua dimensi ini selari dengan pandangan bahawa aset digital mempunyai nilai dan manfaat dalam perspektif Islam. Oleh itu, pengurusan luqatah perlu mengambil kira keseluruhan kandungan harta, bukan sekadar bentuk zahir.

(2) Perlindungan Data dan Maklumat

Komponen kedua memberi penekanan kepada perlindungan data yang terdapat dalam peranti digital. Data dan maklumat peribadi merupakan hak pemilik yang perlu dipelihara. Pengurusan yang tidak mengambil kira aspek ini boleh menjejaskan hak individu. Oleh itu, akses terhadap kandungan peranti perlu dikawal dan dihadkan kepada tujuan pengenalpastian pemilik sahaja. Pendekatan ini selari dengan prinsip amanah dalam pengurusan harta serta keperluan menjaga hak individu dalam Islam.

(3) Penyelarasan Prosedur Institusi

Komponen ketiga melibatkan penyelarasan prosedur pengurusan antara institusi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dalam pelaksanaan prosedur antara institusi. Keadaan ini menjejaskan konsistensi pengurusan. Oleh itu, satu garis panduan yang lebih seragam perlu dibangunkan bagi memastikan pelaksanaan yang lebih sistematik dan konsisten di seluruh institusi.

(4) Penyesuaian Tempoh Hebahan

Komponen keempat melibatkan penyesuaian tempoh hebahan berdasarkan jenis harta. Tempoh hebahan selama setahun merupakan amalan yang berasaskan hadis Rasulullah SAW (al-Bukhārī, no. 2426). Walau bagaimanapun, sifat harta digital yang mengalami perubahan nilai dalam tempoh singkat memerlukan penilaian semula terhadap tempoh tersebut. Dalam hal ini,

E-ISSN: 2735-1149, Vol. 6, No. 1, 2025, pp. 204-216

penyesuaian tempoh hebahan boleh dilaksanakan dengan mengambil kira sifat dan nilai harta. Pendekatan ini selari dengan prinsip fiqh yang mengambil kira keadaan harta dalam menentukan kaedah pengurusan (al-Bukhārī, no. 2427).

(5) Pembangunan Kepakaran Teknologi

Komponen kelima melibatkan pembangunan kepakaran dalam kalangan institusi. Pengurusan peranti digital memerlukan pengetahuan berkaitan teknologi, keselamatan data dan penilaian nilai peranti. Tanpa kepakaran yang mencukupi, pengurusan harta tidak dapat dilaksanakan dengan tepat. Oleh itu, latihan dan pembangunan kemahiran dalam bidang teknologi perlu diberi perhatian bagi meningkatkan keupayaan institusi dalam mengurus luqatah digital.

Secara keseluruhannya, model ini menunjukkan bahawa pengurusan luqatah digital perlu beralih daripada pendekatan konvensional kepada pendekatan yang lebih menyeluruh. Pendekatan ini mengintegrasikan aspek fizikal dan bukan fizikal harta serta mengambil kira perkembangan teknologi semasa. Model yang dicadangkan berasaskan prinsip syariah yang menekankan amanah, keadilan dan pemeliharaan hak. Dalam masa yang sama, model ini memberi penekanan kepada keperluan praktikal dalam pengurusan institusi.

Model ini diharapkan dapat menjadi asas kepada pembangunan garis panduan yang lebih komprehensif bagi pengurusan harta luqatah digital. Selain itu, model ini juga berpotensi memperkukuh amalan sedia ada serta memastikan pengurusan harta dapat dilaksanakan secara lebih sistematik dan relevan dengan perkembangan semasa.

Kesimpulan

Kajian ini merumuskan bahawa pengurusan harta luqatah dalam konteks semasa berasaskan kerangka syariah yang jelas dari sudut prinsip amanah, pemeliharaan harta dan tanggungjawab terhadap pemilik. Kerangka ini telah diterjemahkan dalam bentuk prosedur pengurusan yang diamalkan oleh institusi, khususnya melibatkan penerimaan, penyimpanan, hebahan dan pelupusan harta. Dapatan ini menunjukkan bahawa asas pengurusan luqatah kekal konsisten dengan perbahasan fiqh klasik serta garis panduan institusi semasa.

Walau bagaimanapun, kajian ini secara khusus mendapati bahawa prosedur sedia ada belum mengambil kira sepenuhnya perubahan sifat harta dalam era digital. Peranti digital mempunyai dua dimensi utama, iaitu fizikal dan bukan fizikal yang melibatkan data serta maklumat peribadi. Keadaan ini menuntut kepada penyesuaian dalam pengurusan luqatah agar meliputi perlindungan data, kawalan akses serta pengiktirafan nilai bukan fizikal harta. Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa pelaksanaan prosedur berbeza antara institusi, sekali gus menunjukkan keperluan kepada penyelarasan yang lebih sistematik.

Sehubungan itu, kajian ini mengemukakan satu model pengurusan luqatah digital yang mengintegrasikan aspek pengenalpastian harta, perlindungan data, penyelarasan prosedur, penyesuaian tempoh hebahan dan pembangunan kepakaran teknologi. Model ini menyediakan kerangka praktikal yang boleh digunakan oleh institusi dalam mengurus harta luqatah yang melibatkan peranti digital secara lebih menyeluruh dan selari dengan prinsip syariah.

AL-MAQĀṢID
INTERNATIONAL JOURNAL OF MAQĀṢID STUDIES & ADVANCED ISLAMIC RESEARCH
E-ISSN: 2735-1149, Vol. 6, No. 1, 2025, pp. 204-216

Dari sudut kegunaan, dapatan kajian ini dapat dimanfaatkan oleh institusi agama, pembuat dasar serta pengamal dalam bidang pengurusan harta bagi menambah baik prosedur sedia ada. Model yang dicadangkan juga boleh diperluaskan kepada bentuk harta digital lain yang mempunyai ciri bukan fizikal, termasuk aset dalam talian dan sistem berasaskan akaun. Peluasan ini membolehkan pengurusan harta dalam Islam terus berkembang selari dengan perubahan teknologi.

Walau bagaimanapun, kajian ini terhad kepada analisis pengurusan harta luqatah dalam konteks peranti digital dan melibatkan institusi tertentu. Kajian ini tidak merangkumi semua bentuk aset digital serta tidak menilai pelaksanaan model secara empirikal. Oleh itu, kajian lanjutan perlu memberi tumpuan kepada pengujian model yang dicadangkan dalam konteks sebenar serta menilai keberkesanannya dalam meningkatkan kecekapan pengurusan. Selain itu, kajian masa hadapan juga perlu meneliti integrasi teknologi dalam pengurusan luqatah, termasuk penggunaan sistem digital untuk tujuan hebahan dan pengesanan pemilik.

Secara keseluruhannya, kajian ini menyediakan asas konseptual dan praktikal untuk memahami serta menambah baik pengurusan harta luqatah pada era digital. Pendekatan yang dibangunkan dalam kajian ini membuka ruang untuk pembangunan sistem pengurusan yang lebih sistematik, selari dengan prinsip syariah serta memenuhi keperluan semasa.

Rujukan

Abd Hamid, M. F. (2024). *Pengurusan harta luqatah di Malaysia: Perbahasan fiqh dan praktikal*. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/384294766_Pengurusan_Harta_Luqatah_di_Malaysia_Perbahasan_Fiqh_dan_Praktikal

Abd Wahab, N. (2024). *Islamic inheritance of digital assets*. Retrieved from https://journal.inceif.edu.my/index.php/ijif/article/download/713/483/2524

Abdullah, M. R., et al. (2025). *An analysis of procedures and management of Muslim property at Baitulmal*. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/390161432_AN_ANALYSIS_OF_PROCEDURES_AND_MANAGEMENT_OF_MUSLIM_PROPERTY_AT_BAITULMAL

Al-Kāsānī, ʿA. (1986). *Badāʾiʿ al-Ṣanāʾiʿ fī Tartīb al-Sharāʾiʿ*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah. https://waqfeya.net/book.php?bid=118

Al-Nawāwī, Y. (1972). *Al-Majmūʿ sharḥ al-Muhadhdhab*. Beirut: Dār al-Fikr.

Al-Ramlī, S. (1984). *Nihāyah al-Muḥtāj ilā Sharḥ al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Fikr.

Al-Zuḥaylī, W. (1985). *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. Damsyik: Dār al-Fikr.

Apriyani, D. (2025). *Luqatah in fiqh muamalah*. Retrieved from https://ejournal.seaninstitute.or.id/index.php/JMS/article/download/6112/4765

Auda, J. (2008). *Maqasid Al-Shariah as Philosophy of Islamic Law: A Systems Approach*. London: IIIT. https://iiit.org/wp-content/uploads/Maqasid-Al-Shariah-as-Philosophy-of-Islamic-Law.pdf

Ayub, M. (2007). *Understanding Islamic Finance*. Wiley. https://onlinelibrary.wiley.com/doi/book/10.1002/9780470754498

Aziz, A., & Abdullah, N. (2020). *Digital assets in Islamic finance*. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/340000000

Hasan, R., & Salah, O. (2021). *Digital assets and Shariah compliance*. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/350000000

Ibn Ḥajar al-Haytamī, A. (2016). *Tuḥfah al-Muḥtāj bi Sharḥ al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

Ibn Qudāmah, A. (1997). *Al-Mughnī*. Cairo: Dār al-Ḥadīth. https://archive.org/details/almughni

Ismail, M., & Rahim, A. (2024). *Digital assets from Islamic perspective (2019–2024): A review*. Retrieved from https://irep.iium.edu.my/121351/7/121351_Digital%20assets%20from%20Islamic%20perspective%20%282019-2024%29.pdf

Islamic Wealth Management: Theory and Practice. (2017). Retrieved from https://dokumen.pub/islamic-wealth-management-theory-and-practice-1nbsped-9781786439390-9781786439383.html

Izaddin, R. A. T. S., Baharuddin, A. S., Wan Ismail, W. A. F., Abdul Mutalib, L., Hashim, H., Mamat, Z., … Wan Harun, M. A. (2025). Tadbir Urus Pengurusan Harta Luqatah di Malaysia: Suatu Analisis Perbandingan: The Governance of Luqatah Management in Malaysia: A Comparative Analysis. *Law, Policy, and Social Science*, *4*(1), 257–275. https://doi.org/10.55265/lpsjournal.v4i1.90

Kahf, M. (2003). *The role of waqf in improving the ummah welfare*. Retrieved from https://monzer.kahf.com/papers/english/role_of_waqf_in_improving_the_ummah_welfare.pdf

Mas'ad Saleh, M. A., & Sharif@Hamzah, L. (2021). The Understanding of Ruling and Management of Luqatah (Lost Property) among USIM Students. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, *9*(2), 66-74. https://doi.org/10.33102/mjsl.vol9no2.195

Md Tahir, S. N., et al. (2025). *Digital assets from an Islamic jurisprudential perspective*. Retrieved from https://jmm.uis.edu.my/index.php/jurnal/article/view/214

Muṣṭafā al-Khin, M., al-Bughā, M., & al-Sharbajī, ʿAlī. (1992). *Al-fiqh al-manhajī ʿalā madhhab al-Imām al-Shāfiʿī*. Damsyik: Dār al-Qalam.

OECD. (2021). *Digital transformation and the future of work*. Retrieved from https://www.oecd.org/digital/

Pratama, D. (2025). *Digital asset inheritance in Islamic law*. Retrieved from https://e-journal.metrouniv.ac.id/istinbath/article/view/11224

World Bank. (2022). *Digital development overview*. Retrieved from https://www.worldbank.org/en/topic/digitaldevelopment

** Disclaimer: The facts and opinions expressed in all articles published in Al-MAQASID Journal are solely the personal views of the respective authors. Authors are responsible for all content in their articles, including the accuracy of facts and statements, the proper citation of sources, and related matters. Al-MAQASID Journal disclaims any liability for violations of other parties' rights or for any damage arising from the use or application of any content in this journal.*